

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
(BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan atau meminda Akta Hasutan, 1948 dan sekiranya tidak sama ada akta tersebut akan dipinda untuk sekurang-kurangnya mengiktirafkan niat (intention) tertuduh sebagai satu pembelaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri berpandangan undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 adalah mencukupi bagi menyedarkan pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama. Ia juga mampu bertindak sebagai satu bentuk *deterrent* kepada rakyat Malaysia supaya tidak mempersendakan isu sensitif seperti ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa mengkaji perundangan tersebut untuk ditambahbaik.

Selain itu, pihak polis juga akan terus melakukan pemantauan ke atas penyebaran maklumat dan tindakan segera akan diambil sekiranya terdapat elemen yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama. Ini kerana, isu-isu sensitif tersebut boleh menjejaskan ketenteraman dan keharmonian rakyat jika tidak dibendung.